

Sikap Guru Sekolah Rendah terhadap Pendidikan Tahfiz di Aceh: Peranan Pengalaman Mengajar dan Latihan Profesional

Primary School Teachers' Attitudes toward Tahfiz Education in Aceh: The Role of Teaching Experience and Professional Training

Rizki Dasilva* & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim

Jabatan Pendidikan Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: rizky.dasilva87@gmail.com

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 31 Mac 2026
Disemak: 13 April 2026
Disemak: 12 Jun 2026
Diterbitkan: 30 Jun 2026

KATA KUNCI

Latihan profesional
Pendidikan tahfiz
Pengalaman mengajar
Sikap guru

ABSTRAK - Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap guru sekolah rendah terhadap pendidikan tahfiz di Aceh dengan memberi tumpuan kepada peranan pengalaman mengajar dan latihan profesional dalam membentuk sikap tersebut. Kajian ini penting bagi menyediakan bukti empirikal yang dapat menyokong pembangunan latihan guru serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pendidikan tahfiz dalam sistem pendidikan formal. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dalam kerangka reka bentuk kaedah campuran dengan melibatkan seramai 153 orang guru sekolah rendah sebagai responden yang dipilih daripada beberapa daerah di Aceh. Data dikumpulkan melalui soal selidik berasaskan tiga domain sikap iaitu kognitif, afektif, dan tingkah laku, dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif serta inferensi yang melibatkan ujian t dan MANOVA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berada pada aras tinggi, dengan domain tingkah laku mencatat skor tertinggi, diikuti oleh domain kognitif dan afektif. Analisis inferensi mendapati bahawa pengalaman mengajar merupakan faktor paling dominan yang mempengaruhi sikap guru merentas semua domain, manakala penyertaan dalam bengkel tahfiz turut menunjukkan kesan signifikan tetapi berfungsi sebagai faktor sokongan. Sebaliknya, faktor demografi seperti tahap pendidikan dan lokasi sekolah tidak menunjukkan perbezaan signifikan. Kesimpulannya, pembentukan sikap guru terhadap pendidikan tahfiz lebih dipengaruhi oleh pengalaman praktikal dan pembangunan profesional berterusan berbanding latar belakang individu semata-mata. Kajian ini mencadangkan agar program latihan guru dirancang secara berterusan, berasaskan pengalaman, dan diintegrasikan dengan amalan pengajaran sebenar bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan tahfiz dalam jangka panjang.

ABSTRACT - This study aimed to examine primary school teachers' attitudes toward Tahfiz education in Aceh, with particular emphasis on the roles of teaching experience and professional training in shaping these attitudes. The study is significant in providing empirical evidence to support teacher professional development and enhance the effectiveness of Tahfiz education implementation within the formal education system. A quantitative approach was employed within a mixed-methods research framework,

involving 153 primary school teachers selected from several districts in Aceh. Data were collected using a structured questionnaire encompassing three attitude domains: cognitive, affective, and behavioral. The data were analyzed using descriptive statistics and inferential analyses, including independent-samples t-tests and multivariate analysis of variance (MANOVA). The findings revealed that teachers demonstrated a high level of positive attitudes toward Tahfiz education, with the behavioral domain recording the highest mean score, followed by the cognitive and affective domains. Inferential analyses indicated that teaching experience was the most influential factor affecting teachers' attitudes across all three domains. At the same time, participation in Tahfiz-related workshops also exerted a significant positive influence, serving as a complementary factor. In contrast, demographic variables such as educational qualification and school location did not produce statistically significant differences. In conclusion, teachers' attitudes toward Tahfiz education are shaped primarily by practical teaching experience and continuous professional development rather than by individual demographic characteristics. The study recommends that teacher training programs be designed as continuous, experience-based initiatives integrated with authentic classroom practice to ensure the long-term effectiveness and sustainability of Tahfiz education implementation.

KEYWORDS: Professional training, Tahfiz education, Teaching experience
Teacher attitude

PENDAHULUAN

Pendidikan tahfiz semakin mendapat perhatian dalam sistem pendidikan Islam sebagai satu pendekatan penting dalam membentuk generasi yang berilmu, berakhlak, dan berpegang kepada nilai-nilai al-Quran (Ismail et al., 2017). Perkembangan ini selari dengan usaha memperkukuh pendidikan berasaskan wahyu dalam konteks pendidikan formal, di mana pendidikan tahfiz tidak lagi terhad kepada institusi tradisional, tetapi mula diintegrasikan dalam sistem sekolah rendah bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelektual dan spiritual (Ibrahim et al., 2024). Perkembangan ini menuntut penyesuaian dalam pendekatan pedagogi serta kesiapsiagaan guru sebagai pelaksana utama dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan tahfiz di sekolah.

Dalam konteks pelaksanaan di sekolah, guru memainkan peranan utama sebagai agen perubahan yang menentukan kejayaan sesuatu program pendidikan. Keberkesanan pendidikan tahfiz bukan sahaja bergantung kepada struktur kurikulum, tetapi turut dipengaruhi oleh sikap guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (Rahmah & Suwandi, 2023). Sikap guru merangkumi aspek kognitif, afektif, dan tingkah laku yang saling berkait dalam membentuk amalan pengajaran yang berkesan. Oleh itu, sikap bukan sekadar konstruk psikologi, tetapi berfungsi sebagai faktor praktikal yang menentukan kualiti pelaksanaan pendidikan tahfiz dalam konteks bilik darjah.

Walaupun pendidikan tahfiz semakin berkembang dalam sistem pendidikan formal, pelaksanaannya masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antaranya termasuk perubahan kurikulum yang kerap, kekurangan guru yang berkelayakan dalam bidang tahfiz, serta keterbatasan sumber dan sokongan institusi pendidikan (Ahmad et al., 2022). Selain itu, isu berkaitan kelemahan pengurusan pengajaran, tahap motivasi pelajar, serta peranan guru yang belum optimum dalam membimbing proses hafazan turut dikenal pasti sebagai kekangan utama (Razak, 2020; Yusoff et al., 2025). Dalam konteks Aceh, pendidikan tahfiz berkembang dalam pelbagai institusi seperti dayah, sekolah, dan rumah tahfiz dengan pendekatan pengajaran yang menekankan pengulangan, bimbingan, dan pemantauan berterusan (Fithriani, 2022; Nadila et al., 2022). Namun, keberkesanan pelaksanaan pendekatan ini sangat bergantung pada keupayaan dan kesediaan guru untuk mengurus pengajaran secara sistematik serta responsif terhadap keperluan pelajar.

Dalam konteks tersebut, sikap guru dikenal pasti sebagai pemboleh ubah utama yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pendidikan tahfiz. Secara konseptual, sikap merujuk kepada kecenderungan psikologi yang melibatkan komponen kognitif, afektif, dan tingkah laku dalam menilai serta bertindak terhadap sesuatu objek pendidikan (Ajzen, 2005; Saleh, 2020). Ketiga-tiga komponen ini berfungsi secara saling berkait dalam membentuk amalan pengajaran guru, termasuk tahap

kefahaman terhadap konsep tahfiz, kesediaan emosi dalam melaksanakan pengajaran, serta kecenderungan tingkah laku dalam membimbing pelajar (Rahayu et al., 2023). Dalam kerangka pendidikan, teori self-efficacy Bandura (1997) dan teori sosial budaya Vygotsky (1979) turut menjelaskan bahawa kepercayaan terhadap keupayaan diri dan interaksi sosial memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan amalan pengajaran guru.

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa sikap guru terhadap pendidikan tahfiz dipengaruhi oleh pelbagai faktor, khususnya pengalaman mengajar dan latihan profesional. Guru yang mempunyai pengalaman lebih luas dan terlibat dalam latihan berkaitan didapati lebih yakin, kompeten, dan cenderung melaksanakan strategi pengajaran yang berkesan (Mahardhani et al., 2025; Mubi et al., 2024). Selain itu, faktor demografi seperti jantina, lokasi sekolah, dan latar belakang pendidikan turut dikaji sebagai pemboleh ubah yang berpotensi mempengaruhi sikap guru, namun dapatan kajian masih menunjukkan ketidakkonsistenan (Amellia et al., 2025; Siregar, 2021). Sebahagian kajian melaporkan bahawa latihan profesional merupakan faktor dominan, manakala kajian lain menegaskan bahawa pengalaman mengajar lebih signifikan dalam membentuk sikap positif.

Namun, kajian empirikal yang berkaitan dengan peranan pengalaman mengajar dan latihan profesional dalam konteks pendidikan tahfiz di sekolah rendah di Aceh masih terhad. Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang kajian yang memerlukan penelitian lanjut bagi memahami secara lebih mendalam faktor sebenar yang mempengaruhi sikap guru dalam konteks pelaksanaan pendidikan tahfiz yang sebenar. Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada analisis sikap guru sekolah rendah terhadap pendidikan tahfiz di Aceh dengan menilai perbezaan berdasarkan faktor pengalaman mengajar dan latihan profesional. Kajian ini juga memberikan sumbangan baharu dengan mengintegrasikan analisis multivariat dan perbandingan domain sikap dalam konteks pendidikan tahfiz di sekolah rendah. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pengukuhan teori sikap dalam konteks pendidikan Islam serta menyediakan asas praktikal bagi pembangunan latihan guru dan penambahbaikan pelaksanaan pendidikan tahfiz di sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam kerangka reka bentuk kaedah campuran untuk meneliti sikap guru sekolah rendah terhadap pendidikan tahfiz di Aceh. Reka bentuk tinjauan dipilih kerana sesuai untuk mengukur tahap sikap serta mengenal pasti perbezaan sikap guru berdasarkan faktor demografi dan pengalaman profesional secara empirikal. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data secara sistematik melalui instrumen soal selidik dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah statistik yang sesuai (Creswell, 2018). Populasi kajian terdiri daripada guru sekolah rendah yang melaksanakan pendidikan tahfiz di Aceh, manakala sampel melibatkan seramai 153 orang guru yang dipilih daripada tiga daerah iaitu Bireuen, Pidie, dan Aceh Besar. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan kesesuaian konteks dan kebolehpencapaian responden, serta saiz sampel ini memadai untuk analisis statistik inferensi seperti yang disarankan dalam kajian kuantitatif (Krejcie & Morgan, 1970).

Instrumen utama kajian ialah soal selidik yang dibangunkan berasaskan konstruk sikap guru yang merangkumi tiga domain utama iaitu kognitif, afektif, dan tingkah laku. Selain itu, kajian ini turut melibatkan pemboleh ubah pengalaman mengajar dan latihan profesional sebagai faktor yang mempengaruhi sikap guru. Dalam kajian ini, latihan profesional dirujuk secara operasional sebagai penyertaan guru dalam bengkel tahfiz yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada pembangunan profesional guru. Instrumen ini telah melalui proses kesahan kandungan oleh pakar bagi memastikan kesesuaian dan ketepatan item, serta diuji kebolehpercayaannya melalui kajian rintis menggunakan pekali Cronbach Alpha. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi menunjukkan tahap ketekalan dalaman yang baik dan boleh diterima untuk tujuan kajian (Cronbach, 1977).

Prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat yang melibatkan proses mendapatkan kebenaran daripada pihak berkaitan, pengedaran soal selidik kepada responden, serta pengumpulan semula instrumen untuk dianalisis. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian statistik melalui analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan tahap sikap guru berdasarkan nilai min dan sisihan piawai, manakala analisis inferensi melibatkan ujian MANOVA bagi mengenal pasti perbezaan sikap berdasarkan pemboleh ubah demografi seperti umur, jantina, lokasi sekolah, tahap pendidikan, pengalaman mengajar, dan penyertaan dalam bengkel tahfiz. Selain

itu, ujian t digunakan untuk menilai perbezaan secara lebih terperinci bagi setiap domain sikap. Penggunaan analisis MANOVA adalah bersesuaian kerana kajian ini melibatkan lebih daripada satu pemboleh ubah bersandar yang dianalisis secara serentak (Gall et al., 2003).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil demografi responden kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Profil Demografi Responden

Pemboleh Ubah	Kategori	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Umur	20–30 tahun	85	56%
	31–40 tahun	54	35%
	41–50 tahun	10	7%
	>50 tahun	4	3%
Jantina	Lelaki	36	24%
	Perempuan	117	76%
Lokasi Sekolah	Banda Aceh	51	33%
	Bireuen	69	45%
	Pidie	33	22%
Tahap Pendidikan	Sekolah Menengah	22	14%
	Ijazah Sarjana Muda	131	86%

Profil demografi responden dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti guru berada dalam lingkungan umur 20–30 tahun iaitu seramai 85 orang (56%), diikuti kumpulan umur 31–40 tahun seramai 54 orang (35%). Taburan ini menunjukkan bahawa responden didominasi oleh guru muda dan pertengahan kerjaya yang berpotensi lebih terbuka kepada inovasi dalam pelaksanaan pendidikan tahfiz. Dari segi jantina, majoriti responden adalah perempuan seramai 117 orang (76%), berbanding lelaki seramai 36 orang (24%), mencerminkan trend umum profesion perguruan di peringkat sekolah rendah.

Dari aspek lokasi sekolah, responden paling ramai berasal dari Bireuen iaitu seramai 69 orang (45%), diikuti Banda Aceh seramai 51 orang (33%) dan Pidie seramai 33 orang (22%). Dari segi tahap pendidikan, majoriti guru memiliki Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 131 orang (86%), manakala selebihnya berkelulusan sekolah menengah seramai 22 orang (14%). Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai latar akademik yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran secara formal.

Berdasarkan profil demografi responden yang telah diuraikan, analisis seterusnya meneliti tahap sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berdasarkan tiga domain utama. Ringkasan analisis deskriptif bagi setiap domain sikap ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Tahap Sikap Guru Berdasarkan Domain

Domain	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Kognitif	4.01	0.85	Tinggi
Afektif	3.81	0.95	Tinggi
Tingkah Laku	4.12	0.82	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berada pada aras yang tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Analisis deskriptif mendapati domain tingkah laku mencatat nilai min tertinggi ($M = 4.12$, $SP = 0.82$), diikuti domain kognitif ($M = 4.01$, $SP = 0.85$) dan domain afektif ($M = 3.81$, $SP = 0.95$). Keputusan ini menggambarkan guru mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi dalam aspek pelaksanaan dan tindakan berbanding aspek pemahaman dan emosi terhadap pendidikan tahfiz. Dapatan ini mencerminkan walaupun guru menunjukkan komitmen dalam

pelaksanaan, masih terdapat jurang dalam aspek kefahaman dan penghayatan terhadap pendidikan tahfiz. Dapatan ini mencadangkan bahawa pelaksanaan pendidikan tahfiz lebih dipengaruhi oleh faktor amalan berbanding kefahaman mendalam, yang berpotensi memberi implikasi terhadap kualiti pengajaran dalam jangka panjang.

Seterusnya, analisis inferensi dijalankan untuk meneliti perbezaan sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berdasarkan pemboleh ubah demografi dan profesional. Keputusan analisis MANOVA bagi perbezaan sikap guru berdasarkan pemboleh ubah kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Keputusan Ujian MANOVA

Pemboleh Ubah	Wilks' Lambda	F	Sig. (p)
Umur	0.763	2.201	0.006
Jantina	0.866	3.579	0.005
Lokasi Sekolah	0.877	1.576	0.115
Bengkel Tahfiz	0.914	2.186	0.04
Tahap Pendidikan	0.963	0.897	0.486
Pengalaman Mengajar	0.010	7.556	0.000

Dapatan analisis MANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berdasarkan umur ($p = 0.006$), jantina ($p = 0.005$), pengalaman mengajar ($p < 0.001$), dan penyertaan dalam bengkel tahfiz ($p = 0.04$). Sebaliknya, faktor lokasi sekolah ($p = 0.115$) dan tahap pendidikan ($p = 0.486$) tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dapatan ini mengukuhkan kepentingan pemboleh ubah pengalaman dan latihan profesional sebagai faktor utama berbanding faktor latar belakang semata-mata. Dapatan ini menunjukkan faktor individu seperti umur dan jantina, serta faktor pengalaman profesional dan penyertaan bengkel tahfiz, memainkan peranan penting dalam membentuk sikap guru terhadap pendidikan tahfiz. Pengalaman mengajar muncul sebagai faktor paling dominan, yang menunjukkan bahawa pendedahan berterusan dalam konteks pengajaran sebenar lebih berpengaruh berbanding latihan formal.

Seterusnya, analisis lanjutan dijalankan bagi memperincikan perbezaan sikap guru terhadap pendidikan tahfiz dengan memberi tumpuan kepada pemboleh ubah pengalaman mengajar dan penyertaan dalam bengkel tahfiz. Analisis ini menggunakan ujian t bagi mengenal pasti perbezaan min secara lebih spesifik dalam setiap domain sikap. Pendekatan ini membolehkan penjelasan yang lebih mendalam terhadap dapatan inferensi, khususnya dalam memahami bagaimana faktor pengalaman dan latihan mempengaruhi sikap guru secara langsung. Keputusan ujian t bagi perbezaan sikap guru berdasarkan pengalaman mengajar dan penyertaan dalam bengkel tahfiz ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Keputusan Ujian t bagi Perbezaan Sikap Guru

Pemboleh Ubah	Domain	t	Sig. (p)
Pengalaman Mengajar	Kognitif	30.98	.000
	Afektif	12.72	.000
	Tingkah Laku	18.10	.000
Bengkel Tahfiz	Kognitif	15.72	.000
	Afektif	12.61	.000
	Tingkah Laku	37.11	.000

Dapatan ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berdasarkan pengalaman mengajar dalam ketiga-tiga domain, iaitu kognitif ($t = 30.98$, $p < 0.001$), afektif ($t = 12.72$, $p < 0.001$), dan tingkah laku ($t = 18.10$, $p < 0.001$). Keputusan ini menggambarkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lebih tinggi cenderung menunjukkan tahap kefahaman yang lebih baik, penghayatan emosi yang lebih positif, serta kecenderungan tingkah laku yang lebih tinggi dalam melaksanakan pendidikan tahfiz.

Selain itu, hasil ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan berdasarkan penyertaan dalam bengkel tahfiz dalam semua domain, iaitu kognitif ($t = 15.72, p < 0.001$), afektif ($t = 12.61, p < 0.001$), dan tingkah laku ($t = 37.11, p < 0.001$). Hal ini menunjukkan bahawa guru yang mengikuti bengkel tahfiz mempunyai tahap sikap yang lebih positif berbanding guru yang tidak mengikuti bengkel. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar dan latihan profesional memainkan peranan penting dalam membentuk sikap guru terhadap pendidikan tahfiz, dengan pengalaman mengajar sebagai faktor yang paling dominan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap guru terhadap pendidikan tahfiz berada pada aras tinggi, dengan domain tingkah laku mencatat skor tertinggi berbanding domain kognitif dan afektif. Corak ini menandakan bahawa pembentukan sikap guru lebih terserlah melalui amalan pengajaran berbanding pembinaan kefahaman konseptual dan penghayatan dalaman. Dalam konteks ini, sikap tidak sekadar terbentuk sebagai konstruk psikologi, tetapi lebih berfungsi sebagai respons praktikal terhadap tuntutan pengajaran di bilik darjah, selari dengan pandangan bahawa komponen tingkah laku merupakan manifestasi paling dominan dalam struktur sikap (Feldman, 2011; Haddock & Maio, 2004; Kafle et al., 2021). Namun demikian, jurang antara pelaksanaan dan penghayatan ini memberi isyarat bahawa kekuatan amalan tidak semestinya disokong oleh kedalaman kefahaman dan emosi yang setara.

Dominasi domain tingkah laku berbanding domain afektif menunjukkan bahawa guru mampu melaksanakan pendidikan tahfiz secara konsisten, tetapi tahap keterlibatan emosi dan nilai masih berada pada tahap yang relatif lebih rendah. Keadaan ini kritikal kerana dimensi afektif berperanan sebagai pemacu motivasi intrinsik dan komitmen jangka panjang terhadap amalan pendidikan (Boyatzis et al., 2000; Goleman, 2019; Noriah et al., 2010). Tanpa pengukuhan pada aspek ini, pelaksanaan berpotensi menjadi rutin yang bersifat prosedural dan kurang memberi impak mendalam terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, dapatan ini menimbulkan persoalan penting tentang sejauh mana pendidikan tahfiz bukan sahaja dilaksanakan, tetapi juga benar-benar dihayati oleh guru dalam konteks pedagogi harian.

Dalam kerangka utama kajian, pengalaman mengajar muncul sebagai faktor paling dominan dalam membentuk sikap guru terhadap pendidikan tahfiz. Pengaruhnya merentas semua domain menunjukkan bahawa pengalaman bukan sekadar menyumbang kepada peningkatan kemahiran, tetapi turut membentuk kefahaman, kestabilan emosi, dan keyakinan dalam pelaksanaan pengajaran. Hal ini mengukuhkan hujah bahawa sikap profesional guru berkembang melalui proses kumulatif yang berasaskan pengalaman langsung, selari dengan teori self-efficacy yang menekankan peranan pengalaman sebagai sumber utama pembinaan kepercayaan diri (Bandura, 1997; Martínez et al., 2021; Mayan & Mansor, 2021; Romero-Ariza et al., 2021). Selain itu, pembelajaran melalui pengalaman membolehkan guru melakukan refleksi terhadap amalan, menyesuaikan strategi pengajaran, dan membina kepercayaan terhadap kebolehan sendiri secara berterusan.

Dapatan ini turut mencadangkan bahawa ketidakseimbangan antara domain tingkah laku dan afektif berpotensi memberi implikasi terhadap keberkesanan pendidikan tahfiz dalam jangka panjang. Walaupun pelaksanaan pengajaran dapat dijalankan secara konsisten, kekurangan penghayatan emosi dan nilai boleh menjejaskan kualiti interaksi pedagogi antara guru dan pelajar. Dalam konteks pendidikan berasaskan nilai seperti tahfiz, dimensi afektif memainkan peranan penting dalam membentuk kesungguhan, disiplin, dan komitmen pelajar terhadap proses hafazan. Oleh itu, pengukuhan aspek afektif dalam kalangan guru perlu diberi perhatian sebagai komponen penting dalam pembangunan profesional guru.

Berbeza dengan pengalaman mengajar, penyertaan dalam bengkel tahfiz turut menunjukkan kesan signifikan terhadap sikap guru, namun sifat pengaruhnya lebih bersifat pelengkap berbanding penentu utama. Walaupun bengkel berupaya meningkatkan kesedaran, pengetahuan, dan pendedahan terhadap pendekatan pengajaran tahfiz, dapatan menunjukkan bahawa impaknya bergantung kepada tahap pengaplikasian dalam amalan sebenar. Ini menunjukkan bahawa latihan profesional tidak berfungsi secara autonomi, tetapi memerlukan integrasi dengan pengalaman pengajaran untuk menghasilkan perubahan sikap yang lebih stabil. Sehubungan itu, keberkesanan bengkel perlu dilihat bukan pada kehadiran semata-mata, tetapi pada keupayaan guru untuk menginternalisasi dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut secara berterusan (Ibrahim et al., 2024; Mohammad & Mohamad Akhir, 2023; Razak, 2020), bukan sekadar pendedahan sekali lalu. Oleh itu, keberkesanan latihan profesional bergantung pada sejauh mana ia diintegrasikan dengan pengalaman sebenar di bilik darjah.

Secara konseptual, dapatan ini menunjukkan bahawa pembentukan sikap guru terhadap pendidikan tahfiz tidak berlaku secara linear, tetapi melalui interaksi antara pengalaman, latihan, dan konteks pengajaran. Pengalaman mengajar bertindak sebagai mekanisme utama yang menghubungkan pengetahuan dengan amalan, manakala latihan profesional berfungsi sebagai pemangkin yang memperkayakan kefahaman serta pendekatan pedagogi. Interaksi ini menunjukkan bahawa pembangunan sikap guru memerlukan pendekatan holistik yang mengintegrasikan dimensi kognitif, afektif, dan tingkah laku secara seimbang dalam konteks amalan sebenar.

Selain itu, faktor demografi seperti umur dan jantina menunjukkan perbezaan signifikan, namun kesannya adalah lebih kecil berbanding pengalaman mengajar dan penyertaan dalam bengkel Tahfiz. Ini menunjukkan bahawa walaupun latar belakang individu boleh mempengaruhi kecenderungan sikap, ia bukan penentu utama dalam konteks pendidikan tahfiz. Sebaliknya, tahap pendidikan tidak menunjukkan perbezaan signifikan, yang menggambarkan bahawa kelayakan akademik semata-mata tidak mencukupi untuk membentuk sikap profesional guru. Dapatan ini selari dengan perspektif sosial budaya yang menekankan bahawa pembelajaran dan pembentukan sikap berlaku melalui interaksi dan pengalaman dalam konteks sebenar (Vygotsky, 1979), bukan hanya melalui pendidikan formal.

Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pembangunan profesional guru dan perancangan dasar pendidikan tahfiz di sekolah rendah. Secara praktikal, program latihan guru perlu direka bentuk secara berterusan dan berasaskan pengalaman, dengan memberi penekanan kepada pendekatan reflektif, bimbingan berasaskan amalan, serta sokongan komuniti pembelajaran profesional bagi memastikan pemindahan pengetahuan kepada amalan berlaku secara efektif. Bengkel tahfiz yang dilaksanakan juga perlu penstrukturan agar tidak bersifat sekali lalu, tetapi diintegrasikan dengan susulan seperti pemantauan, *coaching*, dan kolaborasi guru bagi meningkatkan impak jangka panjang. Dari sudut dasar, pihak berkepentingan perlu memberi keutamaan kepada pengukuhan pengalaman mengajar melalui penempatan strategik, pendedahan berterusan, dan sokongan institusi yang konsisten. Selain itu, kajian lanjutan disarankan untuk meneliti secara lebih mendalam mekanisme interaksi antara pengalaman dan latihan profesional dalam membentuk sikap guru, termasuk melalui pendekatan longitudinal dan kajian kualitatif untuk memahami dinamika perubahan sikap secara lebih holistik.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diberi perhatian. Kajian ini terhad kepada reka bentuk tinjauan dan konteks geografi tertentu, justeru dapatan tidak boleh digeneralisasikan secara meluas tanpa kajian lanjutan. Oleh itu, penyelidikan masa hadapan disarankan untuk menggunakan pendekatan longitudinal serta melibatkan sampel yang lebih pelbagai bagi meningkatkan kebolegunaan dapatan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa sikap guru sekolah rendah terhadap pendidikan tahfiz berada pada aras tinggi dengan kecenderungan yang lebih kuat dalam domain tingkah laku berbanding kognitif dan afektif. Dapatan menegaskan bahawa pengalaman mengajar merupakan faktor paling dominan dalam membentuk sikap guru, diikuti oleh penyertaan dalam bengkel tahfiz yang berperanan sebagai sokongan. Sebaliknya, faktor demografi didapati kurang signifikan dalam mempengaruhi sikap secara menyeluruh. Keputusan ini menunjukkan bahawa pembentukan sikap guru lebih bergantung kepada pengalaman praktikal dan pembangunan profesional berterusan berbanding latar belakang individu semata-mata. Oleh itu, pengukuhan pendidikan tahfiz memerlukan pendekatan yang menekankan integrasi antara pengalaman, latihan, dan amalan pengajaran secara konsisten bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dalam jangka panjang.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan akademik dan kemudahan yang disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Artikel ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan doktor falsafah. Penghargaan khusus turut ditujukan kepada penulis kedua dan ketiga selaku penyelia atas bimbingan, sokongan ilmiah, dan panduan berterusan sepanjang proses penyelidikan ini. Penulis juga merakamkan penghargaan

kepada semua guru yang terlibat sebagai responden atas kesediaan dan sumbangan mereka dalam menjayakan proses pengumpulan data.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Rizki Dasilva: Konseptualisasi, metodologi, pengumpulan data, analisis data, penulisan draf asal, visualisasi data.

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim: Penyeliaan, validasi, semakan kritikal kandungan intelektual dan penyuntingan akhir.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data kajian boleh diperolehi daripada penulisan atas permintaan yang munasabah.

PERNYATAAN PENGGUNAAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan manuskrip ini, penulis telah menggunakan ChatGPT untuk membantu meningkatkan kejelasan penulisan. Setelah penggunaan tersebut, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan mengikut keperluan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini melibatkan subjek manusia, iaitu guru sekolah rendah yang terlibat dalam pelaksanaan pendidikan tahfiz di Aceh. Kajian ini telah mendapat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII). Pelaksanaan kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan, termasuk prinsip kerahsiaan, persetujuan termaklum (*informed consent*), serta hak peserta untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa.

RUJUKAN

- Ahmad, M. R., Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong, Bahri, S., Ahmad Thaqif Ismail, & Zuhaili Saiman. (2022). Isu dan Cabaran Pelajar Plus Tahfiz dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran di UiTM. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2). <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2.435>
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, Personality and Behavior* (Second Edition). Open University Press.
- Amellia, S., Maria Noor, Nadya Raniaini, Pitra Gosha Patriasya, & Andelina Damayanti. (2025). The Socio-Demographic Impacts on Islamic Character Education: A Comparative Study of Madrasah Aliyah Students in Urban and Rural Areas. *Cultura Islamica: Journal of Islamic Studies, Management, and Culture*, 1(2), 90–103. <https://doi.org/10.70211/culturaislamica.v1i2.330>
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The Exercise of Control*. W. H. Freeman.
- Boyatzis, R. E., Goleman, D., & Rhee, K. (2000). Clustering Competence in Emotional Intelligence: Insights from the Emotional Competence Inventory. *The Handbook of Emotional Intelligence. Handbook of Emotional Intelligence*, 343–362. http://www.eiconsortium.org/pdf/eci_acticle.pdf
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (Fifth Edition). AGE Publications Ltd.
- Cronbach, L. J. (1977). *Educational Psychology* (3rd edition). Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Feldman, R. S. (2011). *Understanding Psychology*. McGraw-Hill.

- Gall, M. D., Gall, G. J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational Research: An Introduction* (A. E. Burvikovs, Ed.; Seventh Ed). Pearson Education, Inc.
- Goleman, D. (2019). The First Component of Emotional Intelligence. In *Emotional Intelligence-Self Awareness* (p. 3). Harvard Business Review Press. <https://doi.org/10.20968/rpm/2007/v5/i2/100966>
- Haddock, G., & Maio, G. R. (2004). *Contemporary Perspectives on the Psychology of Attitudes*. Psychology Press.
- Ibrahim, M. Y., Rasid, M., & Yaacob, N. (2024). Tahfiz Education In Malaysia : A Brief Overview. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 6(16), 1–10. <https://doi.org/10.35631/irjsmi.616001>
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 51–60. <https://doi.org/10.37231/jimk.2017.15.1.220>
- Kafle, B., Bagale, Y., Kadhun, M., & Molodynski, A. (2021). Mental Health and Burnout in Nepalese Medical Students: An Observational Study. *Middle East Current Psychiatry*, 28(1), 0–3. <https://doi.org/10.1186/s43045-021-00134-4>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mahardhani, A. J., Tasrikah, L., Muttaqin, M. A., Ponorogo, U. M., & Id, A. A. (2025). Teacher Readiness in Implementing Educational Policies to Strengthen Students' Religious Character at TK Aisyiyah 1 Magetan. *Jurnal Pendidikan dan Agama Islam*, 8(2). <https://doi.org/10.54396/saliha.v8i2.1421>
- Martínez, Á. M., Jurado, M. D. M. M., Pérez-Fuentes, M. D. C., Martín, A. B. B., Márquez, M. D. M. S., Martínez, B. M. T., Sisto, M., & Linares, J. J. G. (2021). Self-efficacy, Positive Future Outlook and School Burnout in Spanish Adolescents. *Sustainability (Switzerland)*, 13(8), 1–10. <https://doi.org/10.3390/su13084575>
- Mayan, M. P., & Mansor, M. (2021). Distributive Leadership Practices and Teachers' Self-efficacy in National School. *Management Research Journal*, 10(2021), 12–23. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.sp.2.2021>
- Mohammad, N. H., & Mohamad Akhir, N. S. (2023). Kepelbagaian Pengurusan, Potensi dan Cabaran Institusi Tahfiz di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1), 36–52. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.354>
- Mubi, Z. A., Hussin, H., & Mohamad, S. (2024). A Literature Highlight on Teachers' Competency Level in Teaching Special Class on Quranic Recitation and Memorization Skills (KKQ). *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 21(2), 346–363. <https://doi.org/10.14421/jpai.v21i2.8238>
- Nadila, A., Lailatussaadah, L., & Faisal, M. (2022). Management Of Tahfidzul Quran Program In Dayah MUQ Pagar Air Aceh. *DAYAH: Journal of Islamic Education*, 5(2), 189. <https://doi.org/10.22373/jje.v0i0.11301>
- Noriah, Piet, I. I., & Ramli, R. (2010). Emotional intelligence of Malaysian Teachers: A Comparative Study on Teachers in Daily and Residential Schools. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 9, 604–612. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.12.205>
- Rahayu, T., Subando, J., Fatimah, M., Haq Rumaf, A. F., & Hussain Solihu, A. K. (2023). Optimization of Teaching Strategies of Tahfidz Teachers to Improve the Quality and Quantity of Students' Memorization of the Qur'an. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 24(02), 259–268. <https://doi.org/10.23917/profetika.v24i02.1976>
- Rahmah, A. D., & Suwandi, S. (2023). Pengaruh Strategi Pembelajaran dan Motivasi Belajar terhadap Prestasi Belajar Siswa pada Program Tahfidz Al-Qur'an. *Edudeena : Journal of Islamic Religious Education*, 7(2), 198–210. <https://doi.org/10.30762/ed.v7i2.1641>
- Razak, S. R. Abd. (2020). Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor. *ISLAMIYYAT*, 42. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-13>
- Romero-Ariza, M., Quesada, A., Abril, A. M., & Cobo, C. (2021). Changing Teachers' Self-Efficacy, Beliefs and Practices through STEAM Teacher Professional Development. *Infancia y Aprendizaje*, 44(4), 942–969. <https://doi.org/10.1080/02103702.2021.1926164>
- Saleh, A. A. (2020). *Psikologi Sosial*. IAIN: Parepare Nusantara Press.
- Siregar, L. S. B. (2021). Islamic Education: Factors that Affect Teachers in Building Students' Islamic Character. *International Journal of Asian Education*, 2(4), 462–471. <https://doi.org/10.46966/ijae.v2i4.211>
- Vygotsky, L. S. (1979). L. S. Vygotsky: Mind in Society. The Development of Higher Psychological Processes. In M. Cole, V. John-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman (Eds.), *the President and*

Fellows of Harvard College Vol. 92, Number 1. Harvard University Press. <https://doi.org/10.2307/1421493>

Yusoff, N. H. M., Noor Ashikin Nik Mat, & Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz. (2025). Pembelajaran Terstruktur dan Kaedah Pengajaran Hafazan Al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Husni. *Jurnal Qiraat*, 8, 40–48. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.94>